

aab

TIADA PERJANJIAN BERTULIS MENGENAI UNDANG-UNDANG HUDUD

Mahathir - Hudud

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Kerajaan Persekutuan tidak akan membuat sebarang perjanjian bertulis dengan Kerajaan Kelantan pimpinan PAS mengenai kesediaannya membenarkan undang-undang Hudud dilaksanakan di negeri itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, beliau tidak nampak perlunya perjanjian bertulis seperti yang diminta oleh Kerajaan Kelantan kerana Kerajaan Persekutuan telah menyatakan persetujuan untuk meminda mana-mana peruntukan Perlembagaan yang mungkin menyekat kerajaan negeri itu untuk berbuat demikian.

+ Kita cuma akan pinda undang-undang kita sahaja yang boleh melepaskan mereka (Kerajaan Kelantan) daripada apa-apa sekatan yang mereka kata ada. Kita nak tahu apakah sekatan itu dan apa perlunya perjanjian pula,+ katanya kepada pemberita sekembalinya daripada lawatan rasmi lima hari ke Vietnam hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat yang meminta Kerajaan Persekutuan menyatakan persetujuan itu secara bertulis.

Dr Mahathir berkata, jika Kerajaan Kelantan tetap dengan pendiriannya mahukan perjanjian bertulis, ia boleh buat perjanjian itu sendiri tetapi kerajaan Persekutuan tidak akan terbabit. -- Lagi

▼24/04/15-07MST

CNS8864

U GB 24-04 00141 BH042

aab

Mahathir - Hudud 2 Kuala Lumpur

Mengulas lebih lanjut mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak dapat menerima jaminan PAS bahawa jika ia menjalankan hukum Hudud tidak akan berlaku huru hara.

Beliau juga menolak pandangan Kerajaan Kelantan bahawa kalau diadakan hukum Hudud, semua orang akan takut untuk melakukan jenayah.

+Kita tahu ada negara yang melaksanakan hukum Hudud, tetapi jika ada wanita yang berjalan seorang, dia tak akan balik,+ katanya.

+Cuma yang tak berlaku ialah masing-masing tak buat laporan,+ kata beliau.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata, sekiranya Undang-undang Hudud dijalankan di Kelantan, Kerajaan Persekutuan tidak akan menarik balik anggota polis dari negeri itu, kerana pihak polis mempunyai tugas-tugas lain.+

+Begitu jugalah dengan sistem mahkamah yang ada sekarang. Yang mana kita punya, kita punyalah.+ -- Lagi

▼24/04/15-28MST

aab

Mahathir - Hudud 3 (Akhir) Kuala Lumpur

+Mereka boleh cuba sistem mereka dengan mereka punya +gedebe-gedebe+ yang boleh digunakan untuk tangkap orang dan potong tangan mereka.

+Seronok sangat nak potong tangan orang. Seolah-olah tak potong tangan, itu tak Islam,+ katanya.

Ditanya sama ada beliau sudahpun membuat keputusan sama ada akan menghadiri Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada Jun depan, katanya: +Belum+.

Dr Mahathir akan merasmikan Persidangan Kedua Menteri Negara-Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di sini Isnin ini, iaitu mesyuarat persiapan yang terakhir bagi negara-negara membangun sebelum menghadiri Sidang Kemuncak Bumi itu. -- Bernama

▼24/04/15-44MST